

s + 15/3/2021 Empat nelayan Myanmar ditahan

m/s 29

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Pulau Pinang menahan empat nelayan warga Myanmar ketika sedang menangkap ikan di Pulau Kendi di sini pada pagi Sabtu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot nelayan milik warga tempatan itu ditahan di kedudukan 28.6 batu nautika barat Pulau Kendi pada jam 9.20 pagi.

Menurutnya, pasukan APMM ketika rondaan rutin dalam Op Benteng Laut dan Op Pertiwi dijalankan mengesan

sebuah bot nelayan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Pulau Pinang.

“Pemeriksaan mendapati, bot nelayan tempatan dengan nombor pendaftaran yang sah itu dikendalikan empat kru warga Myanmar termasuk tekong.

“Kesemua mereka yang berusia lingkungan 20 hingga 40 tahun itu gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya dalam satu kenyataan media pada Ahad.

Beliau berkata, bot dan kesemua yang ditahan dibawa ke pejabat Maritim Pulau Pinang

bagi menjalani ujian saringan Covid-19 oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.

“Kes akan disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen, vesel tidak usaha sendiri dan menggaji kru asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Kes juga disiasat mengikut Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen kerana memasuki Malaysia tanpa memiliki pas yang sah,” katanya.